

Empat beranak huni bangsal di ladang sawit

Oleh : Norazwani Yusof
5 Mac 2018

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/empat-beranak-huni-bangsai-di-ladang-sawit-1.805169>



Nor Ain Fadila menceritakan kisahnya kepada Mohd Tarmizi.

KUANTAN - Kesempitan hidup memaksa sebuah keluarga berteduh di sebuah bangsal dijadikan tempat berteduh buat mereka di sebuah ladang kelapa sawit di Felda Bukit Sagu, di sini.

Bangsai tersebut beratapkan zink berdinding separuh daripada papan dan separuh lagi tikar serta bertiraikan kain sebagai penutup bangsal tersebut apabila menjelang malam.

Meskipun serba kedaifan, namun Nor Ain Fazila Ramli, 24, dan suaminya, Mohd Zahar Che Hassan, 24, bersama dua anaknya yang berusia tiga serta satu tahun, bersyukur kerana masih ada tempat berteduh daripada panas serta hujan.



Ain Fadila

Nor

"Saya tak kisah tinggal di sini... memang bangsal ini amat daif tapi inilah syurga kami sekeluarga.

"Bangsal ini diberikan oleh pemilik kebun sawit selepas saya dan suami tiada tempat untuk berteduh," katanya ketika ditemui Sinar Harian di ladang kelapa sawit di Felda Bukit Sagu di sini, semalam.

Turut hadir melawat Nor Ain Fazila ialah Pengerusi Prihatin Rakyat Paya Besar, Mohd Tarmizi Yahaya.

Lawatan tersebut, beliau turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian dan beberapa kelengkapan lain seperti kelambu, lilin bagi kegunaan keluarga tersebut.

Dalam pada itu, Nor Ain Fazila berkata, walaupun bangsal tersebut tidak sempurna dan terdedah dengan pelbagai bahaya, namun itulah satu-satunya tempat mereka sekeluarga berteduh buat masa ini.

Jelasnya, perasaan takut itu sudah tiada kerana mereka sekeluarga bergantung sepenuhnya kepada ALLAH.



Keadaan bangsal yang didiami Nor Ain Fadila.

"Tempat ini sentiasa sunyi.. kalau waktu malam lagilah.. saya terpaksa memberanikan diri.. pada waktu malam pula saya gunakan lilin atau kain buruk di campur dengan minyak masak untuk dijadikan sebagai pelita," katanya.

Keluarga ini juga turut menadah air hujan bagi tujuan mandi dan membasuh pakaian. Untuk memasak pula, Nor Ain Fazila mengambil air di rumah pemilik ladang sawit itu yang tidak jauh dari bangsalnya.

Menurutnya, suami hanya bekerja sendiri dan mengharapkan upah mengait dan mengangkat sawit tempat yang mereka tinggal itu.

"Sehari suami dapat upah sekitar RM15 hingga RM30 sehari.. saya pula berniaga penyapu lidi bila ada orang minta.. dapatlah RM20 hingga RM30 ringgit," katanya.